



## HAK ANAK-ANAK DALAM PENGURUSAN NAFKAH MENURUT PERSPEKTIF KELUARGA ISLAM

*CHILDRENS'S RIGHTS IN MAINTENANCE MANAGEMENT ACCORDING TO  
THE PERSPECTIVE OF THE ISLAMIC FAMILY*

Najwa Fudil<sup>1\*</sup>, Rafeah Saidon<sup>2</sup>, Noorul Huda<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Shah Alam.

Email: najwa.fudil@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah, Prof Madya Dr Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Shah Alam.

Email: rafeahs@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Prof Madya Dr, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Shah Alam.

Email: nooru088@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 05.06.2022

Published date: 22.06.2022

#### To cite this document:

Fudil, N., Saidon, R., & Huda, N. (2022). Hak Anak-anak Dalam Pengurusan Nafkah Menurut Perspektif Keluarga Islam. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 217-224.

DOI: 10.35631/IJLGC.728016.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Anak-anak merupakan amanah dari Allah SWT kepada kedua ibu bapa untuk dipelihara dengan sebaiknya. Sebagai ibu bapa sudah semestinya mempunyai tanggungjawab dalam memelihara anak-anak, begitu juga anak-anak mereka berhak menerima hak mereka. Antaranya ialah hak nafkah. Malangnya nafkah yang perlu anak-anak peroleh sering diabaikan oleh ibu bapa. Justeru kajian ini bertujuan menjelaskan hak anak-anak dalam nafkah menurut Islam. Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan metod perpustakaan. Hasil kajian mendapati hak anak-anak dalam nafkah bukan sahaja wang ringgit bahkan menurut Islam hak nafkah anak lebih luas. Kajian mencadangkan beberapa tindakan yang lebih tegas dikenakan terhadap ibu bapa yang mengabaikan nafkah anak.

#### Kata Kunci:

Anak, Hak, Islam, Kadar, Keluarga, Nafkah.

#### Abstract:

Parents should take good care of their children as they are trust from Allah SWT. Significantly, parents have a responsibility in caring for their children, so too do their children have the right to receive their rights. Among them is

the right to maintenance. Unfortunately, the maintenance that children need to earn is often ignored by father. Therefore, this study aims to explain the rights of children in maintenance according to Islam. This study is a qualitative study using library method. The results of the study find in Islamic law, the right of children in maintenance not only covers financial support but it is more than that. Study suggests some more stringent actions be taken against father who neglect the child right of maintenance.

**Keywords:**


Child, Rights, Islam, Rate, Family, Maintenance

### Pengenalan

Anak-anak adalah Amanah dari Allah SWT kepada ibu bapa hasil daripada hubungan perkahwinan antara suami dan isteri. Pada dasarnya, Islam menggambarkan anak sama seperti harta iaitu sebagai perhiasan dalam kehidupan berumah tangga. Hal ini jelas dinyatakan di dalam al-Quran yang bermaksud “harta benda dan anak-anak itu ialah perhiasan hidup di dunia” (Al-Kahfi, ayat 46). Oleh itu ibu bapa perlulah menjaga amanah tersebut dengan sebaiknya.

Di dalam sesuatu perhubungan akan wujud tanggungjawab dan hak, begitu juga dalam hubungan antara seorang bapa dan anak-anak terdapat hak-hak dan tanggungjawab yang perlu dilunaskan. Tanggungjawab sebagai seorang bapa terhadap anak-anak antaranya adalah memberi nafkah kepada anak-anak manakala anak-anak pula berhak mendapat nafkah yang sepatutnya dari bapa kandungnya (Hassan Musa Saffar, 2004). Justeru itu timbulah persoalan apakah hak-hak nafkah anak yang perlu mereka peroleh daripada bapa kandungnya menurut Islam.

Di dalam Islam, seorang lelaki yang bergelar bapa merupakan orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak-anak (Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugha, & Ali Asy-Syarbaji, 2009). Malangnya ramai anak-anak tidak mendapat hak yang sepatutnya mereka peroleh daripada seorang bapa. Berdasarkan dapatan kajian daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mendapati pengabaian nafkah oleh bapa terhadap anak-anak sering berlaku dikalangan masyarakat di Malaysia.



**Rajah 1: Statistik Pengabaian Nafkah Anak Yang Difailkan**

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Berdasarkan rajah 1, sebanyak 1425 kes tuntutan nafkah anak yang difaikan terhadap bapa pada tahun 2017, meningkat kepada 1433 pada tahun 2018, dan meningkat kepada 1544 pada tahun 2019. Manakala sebanyak 121 kes tunggakan nafkah yang telah difaikan semula kepada bapa pada tahun 2017, menurun kepada 110 kes pada tahun 2018, dan meningkat kepada 128 kes pada tahun 2019.

Rentetan daripada peningkatan pengabaian nafkah anak ini boleh memberi kesan yang besar terhadap anak-anak dalam menjalani kehidupan harian seperti kurang keyakinan diri, mengganggu pembelajaran, dan anak-anak terabai, bahkan keluarga yang bermasalah akan memberi impak psikologi yang buruk kepada anak-anak (Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin; Raihanah Azahari, 2017). Justeru itu, artikel ini bertujuan membincangkan hak-hak seorang anak dalam nafkah supaya mereka boleh menuntut hak yang sepatutnya mereka dapat dari bapa kandung mereka.

## Kajian Literatur

### **Nafkah Menurut Islam**

Perkataan nafkah berasal daripada perkataan arab iaitu *nafaqa* yang bermaksud biaya, belanja (*Al-Mu'jam Al-Wasit*, 2004). Belanja yang dikeluarkan itulah disebut sebagai nafkah. Nafkah secara terminologinya membawa maksud seseorang individu yang mengeluarkan belanja atau menyara hidup orang-orang yang berada di bawah tanggungjawabnya mengikut syarak (*Al-Khatib*, 2013) atau pemberian individu kepada individu yang berhak menerimanya (M.Afandi, 2021).

Secara adat dan kebiasaan seorang lelaki bertanggungjawab mencari nafkah kerana kaum lelaki lebih dominan sifat dan fizikal mereka berbanding kaum wanita (Fatakh, 2018). Menurut pandangan Islam pula, faktor seseorang lelaki itu perlu memberi nafkah adalah kerana hubungan *zaujiyyah* iaitu faktor mempunyai ikatan perkahwinan yang sah, hubungan *qarabah* iaitu faktor hubungan darah atau kekeluargaan, dan *al-milk* faktor pemilikan ke atas sesuatu seperti hamba, haiwan (*Wahbah al-Zuhaili*, 2004). Tanggungjawab seorang bapa memberi nafkah kepada anaknya berada di bawah faktor *qarabah* iaitu hubungan kekeluargaan antara *usul* dengan *furu'* iaitu antara bapa dengan anaknya atau datuk dengan cucunya. Hukum bapa memberi nafkah kepada anak kandungnya adalah wajib (Sayyid Sabiq, 2004).

Menurut Islam hubungan darah antara anak dan bapa telah menjadikan seseorang bapa itu wajib membiayai nafkah anaknya sejak anaknya dilahirkan sehingga anaknya dewasa (*Al-Nawawi*, 2012). Perkataan hak berasal daripada perkataan arab yang bermaksud kebenaran, kuasa memiliki, atau kepunyaan seseorang (*Al-Mu'jam Al-Wasit*, 2004). Manakala menurut *Kamus Dewan* (2001) hak bermaksud kuasa atas sesuatu yang telah ditentukan oleh undang-undang, agama atau adat istiadat. Kategori hak anak merangkumi hak-hak berkaitan dengan diri dan harta anak-anak (Badruddin Ibrahim; Azizah Mohd, 2013). Perbincangan kajian ini berkisar tentang hak diri anak-anak. Antaranya ialah hak anak-anak mendapat pendidikan, hak mendapat kasih sayang, hak mendapat perlindungan, hak mendapatkan penyusuan dan makan minum.

### **Hak Pendidikan**

Pada asasnya para ulama' klasik dan kontemporari menyatakan nafkah adalah meliputi makanan, tempat tinggal, dan pakaian (Syeikh Nabil, 1988). Walaubagaimanapun, sesetengah ulama Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafie telah menegaskan bahawa pendidikan juga

merangkumi nafkah yang perlu ditanggung oleh bapa (Ibn al-Humam, 2009). Oleh itu, segala perbelanjaan membabitkan pendidikan seperti yuran pengajian, duit buku, alatan-alatan persekolahan anak-anak mestilah ditanggung oleh bapa.

Pendidikan yang perlu diberikan kepada anak-anak meliputi pendidikan formal dan tidak formal. Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW:

عَنْ أُبِي هُرَيْرَةَ - رضي الله عنه - قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " كُلُّ مَوْلُودٍ بُولَدٌ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبْوَاهُ يُهْوِدَاهُ أَوْ يُنَصِّرَاهُ أَوْ يُمْسِيَاهُ

Maksudnya: setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi (Hadis Riwayat Bukhari).

### **Hak Emosi**

Kasih-sayang, nasihat yang baik, menghormati, dan kemesraan dalam komunikasi seperti penggunaan bahasa yang sopan merupakan perkara-perkara yang berhubungkait dengan emosi. Sekiranya perkara-perkara ini tidak dijaga akan menyebabkan keharmonian dan kesejahteraan sukar dibina.

Menurut Michelle Brady et al., (2017) bapa jarang meluangkan masa dengan anak-anak berbanding ibu. Fenomena ini perlu dikekang dengan cara bapa perlulah memperbaiki sikap dan menambah ilmu berkaitan keibubapaan. Hal ini kerana masa yang diluangkan akan memberikan kesan ke atas tumbesaran anak-anak. Sesetengah bapa beranggapan meluangkan masa adalah dengan cara mengeluarkan wang untuk pergi bercuti bersama keluarga, maka mereka perlu bekerja keras mencari wang, akan tetapi sebenarnya meluangkan masa makan bersama anak-anak, bermain permainan atau membuat aktiviti bersama-sama sudah cukup membuatkan anak-anak gembira (Alexandrea Shanea Ellington, 2011). Masa yang diluangkan bersama boleh dimanfaatkan dengan mendengar luahan, bertukar-tukar pandangan, memberi nasihat dan dorongan kepada anak-anak.

### **Hak Perlindungan**

Kehidupan yang baik seperti mendapat kebahagian dan keselesaan adalah impian setiap manusia. Hal ini bertepatan dengan anjuran dalam Islam bahawa dalam mencapai kehidupan yang harmoni perlukan suasana dan keadaan yang selesa (Suhaimi, Rahman, Sains, & Sains, 2019). Nabi Muhamamad telah bersabda dalam sebuah hadis bermaksud: daripada Muhammad bin Saad bin Abi Waqas, daripada bapanya, Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya perkara yang mendatangkan kebahagian adalah isteri yang solehah, tempat tinggal yang selesa, dan tunggangan (kenderaan) yang baik (Al-Tabrani, 2015). Keadaan ini sama seperti anak-anak, mereka memerlukan tempat tinggal yang selesa bagi melindungi keselamatan mereka dan juga kenderaan yang tidak mudah rosak bagi memudahkan urusan sehari-hari mereka.

Menurut undang-undang, perlindungan terhadap kanak-kanak adalah pencegahan kepada segala bentuk pengabaian, keganasan, penderaan, atau eksplorasi terhadap kanak-kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Tidak memberikan nafkah kepada anak-anak dengan selayaknya juga merupakan salah satu bentuk penganiayaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak.

### **Hak Penyusuan Dan Makan Minum**

Makanan dan minuman merupakan keperluan utama dalam meneruskan kelangsungan hidup seseorang manusia. Pengambilan makanan yang seimbang sangat penting untuk tubuh badan

manusia. Makanan dan minuman yang hendak dimakan bukan sahaja mesti bernutrisi, bahkan dalam Islam makanan tersebut mestilah halal dan bersih kerana apa yang dimakan akan menjadi darah daging manusia (Al-Qurtubi, 2006). Jika tiada makanan dan minuman maka manusia akan kelaparan dan kehausan, urusan harian akan terjejas, ketenangan hati akan terganggu, kesihatan akan terjejas dan akhirnya membawa kepada kematian (Halipah & Hanani, 2020). Oleh itu makanan merupakan perkara asas dalam pemberian nafkah kepada anak-anak termasuklah bayi untuk menjaga nyawa.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 233:

وَالْوَلَدُتُ يُرْضِعُنَّ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لَمَنْ أَرَادَ أَنْ يُئْمِنَ الرِّضَاعَةُ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَافِئُ نَفْسَ الْأَوْسَعَهَا لَا تُضَارَّ وَالدُّهُو بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودُ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَ اذَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضِيهِمْ مِنْهُمَا وَشَاءُوا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرِضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَمْتُمْ مَا أَئْتَيْتُمُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْتُمُ أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapai aitu menderita kerana anaknya dan waris juga menanggung kewajipan tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika kedua-duanya (suami dan isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu dengan orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah bahawa Allah sentiasa melihat akan apa juar yang kamu lakukan.

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa anak-anak mempunyai hak dalam mendapatkan makan dan minum kerana penyusuan terhadap bayi juga dititik beratkan dalam Islam sehingga bapa perlu membayar upah kepada ibu atau sesiapa sahaja yang menyusukan anaknya. Al-Qurtubi (2006) menjelaskan sekiranya bayi kematian bapa, maka waris bapanya perlu membayar upah kepada ibunya. Hal ini jelas membuktikan kewajipan memberi nafkah terhadap anak-anak amat ditekankan oleh Islam.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan metodologi kajian perpustakaan. Sumber rujukan yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah berpandukan jurnal, buku, artikel, laman sesawang, kertas kerja dan lain-lain. Data yang diperoleh dianalisis secara analisis kandungan. Kajian ini menganalisa peruntukan Islam berkaitan hak anak-anak dalam nafkah.

## **Dapatan**

### **Syarat Memberi Dan Menerima Nafkah**

Terdapat beberapa syarat yang mewajibkan seorang bapa menafkahi anaknya dan melayakkan anak berhak menerima nafkah tersebut, iaitu:

Pertama bapa mestilah berkemampuan dalam memberikan nafkah. Kemampuan ini termasuklah dari segi material, fizikal yang sihat untuk berusaha mencari rezeki, dan juga

mental yang sihat. Sekiranya bapa tersebut miskin tetapi berkeupayaan untuk bekerja, maka kewajipan bapa menanggung anaknya tidak berpindah kepada wali yang lain (Al-Syarkhani, 2001). Akan tetapi sekiranya bapa tidak berkeupayaan seperti mempunyai masalah kesihatan yang menyebabkan dia tidak mampu bekerja, maka tanggungjawab menafkahi anaknya akan berpindah kepada wali yang lain. Syarat yang melayakkan anak berhak menerima nafkah adalah sekiranya seorang anak itu tidak berkemampuan sama ada dari segi fizikal, mental, atau pun material. Sekiranya seorang anak berkemampuan dan telah mencapai akil baligh, maka gugurlah haknya dari mendapat nafkah kecuali anak perempuan. Jumhur fuqaha' bersepakat menyatakan tempoh anak perempuan layak menerima nafkah dari bapa kandungnya adalah selagi mana anak perempuan tersebut tidak berkahwin (Wahbah al-Zuhaili, 2004). Oleh itu sekiranya anak tersebut fakir, tidak memiliki harta, dan tidak berkemampuan menguruskan diri, maka anak tersebut berhak mendapat nafkah dari bapanya dan bapa berkewajipan memberi nafkah kepada anaknya mengikut kemampuannya.

Kedua ialah sekiranya anak-anak masih kecil atau belum mencapai akil baligh, maka wajib bapa menanggung segala keperluan anak-anak ini. Ulama' berselisihan pandangan berkaitan had umur akil baligh. Ulama' mazhab Syafie dan mazhab Hambali menyatakan bahawa umur akil baligh bagi seorang kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah ketika berumur 15 tahun, manakala mazhab Hanafi menyatakan umur baligh seorang kanak-kanak lelaki adalah 18 tahun, bagi kanak-kanak perempuan pula pada umur 17 tahun (Al-Auquf al-Kuwaitiyyah, 1983).

### ***Kadar Nafkah***

Tidak dinyatakan secara khusus di dalam dalil-dalil syara' berkaitan kadar bayaran nafkah yang perlu diberikan kepada anak-anak, akan tetapi ia ditentukan berdasarkan adat kebiasaan dan kemampuan pemberi nafkah (Mustafa al-Khin et al., 2009). Allah berfirman dalam surah al-Talaq yang bermaksud "hendaklah orang yang mampu memberi nafkah mengikut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka hendaklah ia memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memberi beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan. Berdasarkan ayat ini jelaslah bahawa bapa perlu memberi nafkah mengikut kemampuannya. Para ulama' bersepakat bahawa bapa berkewajiban memberikan nafkah kepada anaknya akan tetapi berselisihan pandangan berkaitan kadar nafkah yang perlu diberikan (Syamsul Bahri, 2015).

Al-Syafie berpandangan bahawa nafkah diberikan mengikut kemampuan bapa iaitu setelah diukur minimum dan maksimum kemampuan bapa kemudian terpulang kepada bapa untuk memberikan berapa jumlahnya akan tetapi tidak boleh kurang dari ukuran minimum kemampuan bapa, manakala menurut pandangan Abu Hanifah, Malik, dan Ahmad pula nafkah diberikah mengikut keadaan (Al-Auquf al-Kuwaitiyyah, 1983).

### ***Kesimpulan***

Kesimpulannya, kegagalan ibu bapa menjalankan amanah dan tanggungjawab menyebabkan berlakunya keruntuhan institusi kekeluargaan, seterusnya ia memberikan impak yang besar dalam masyarakat seperti berlakunya keruntuhan akhlak dan gejala sosial dikalangan remaja (Bohari & Mohd Yusof, 2020). Justeru itu, pendidikan keibubapaan amat penting dititik beratkan oleh setiap pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga agar mereka lebih memahami dan bersedia memikul amanah dan tanggungjawab.

Selain itu, tindakan yang lebih tegas perlu dikuatkuasakan terhadap bapa yang mengabaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada anak-anak, seperti jumlah denda yang tinggi, sebatan, atau senarai hitam dari segala pinjaman, perkhidmatan dan biasiswa.

Diharapkan dengan adanya kesedaran tentang hak-hak yang perlu diberikan kepada anak-anak akan menjadikan kehidupan anak-anak lebih baik dan terjamin demi menjaga kualiti anak-anak yang dilahirkan agar dapat memberi manfaat pada agama, bangsa dan negara pada masa akan datang.

### **Rujukan**

- Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin, & Raihanah Azahari. (2017). Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa : Kajian Pelaksanaan Di Pasir Mas Kelantan. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*, 2(2), 12.
- Al-Auquf al-Kuwaitiyyah. (1983). *Al-Mausuah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wazarah al-Auquf Wa al-Syuun al-Islamiah.
- al-Kahfi. (n.d.). *al-Quran*.
- Al-Khatib, M. bin M. al-S. al-S. al-K. (2013). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani al-Faz al-Minhaj* (edisi keti). Beirut:Lubnan: Dar Ihya' Turath al-Arabi.
- al-Mu'jam al-Wasit. (2004). al-Qaherah: Maktabah al-Syuruk al-Dauliyyah.
- Al-Nawawi, A. Z. Y. ibn S. al-N. (2012). *Minhaj al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Qurtubi, A. A. M. bin A. bin A. B. al-Q. (2006). *Al-Jami' al-Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Syarkhani, A. B. M. bin A. S. (2001). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Tabrani, S. bin A. bin A. bin M. al-L. al-Y. at-T. (2015). Bab Ikram al-Quraish Wa Khoir Zalik. In *Al-Mu'jam al-Ausod* (p. no 329, ms 146). Riyadh: Maktabah al-Ma'arid.
- Alexandrea Shanea Ellington. (2011). *The role of family time on a young child's overall development*. University of Alabama.
- Badruddin Ibrahim; Azizah Mohd. (2013). Hak Anak Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya. *Jurnal Kanun*, 25(2), 255–272.
- Bohari, M., & Mohd Yusof, F. (2020). Pendidikan Keibubapaan Melalui Santunan Fitrah Nabi Ya'qub A.S Dan Pendekatannya Bagi Menangani Salah Laku Remaja (Parenting Education Through The Prophet Ya'qub Method And His Approaches To Cope With Teenager Misbehaviour). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3–2), 113–123.
- Fatakh, A. (2018). Nafkah Rumah Tangga Dalam Perspektif Hukum Islam. *Inklusif (Jurnal Pengkajian Penelitian Ekonomi Dan Hukum Islam)*, 3(1), 57.
- Halipah, H. binti H., & Hanani, H. binti A. Z. (2020). Pemakanan Dan Implikasinya Terhadap Pembangunan Insan: Satu Analisis Berdasarkan Kitab Fi Zilal al-Quran. *Borneo Akademika UITM Cawangan Sabah*, 3(December 2019), 1–11.
- Hassan Musa Saffar. (2004). *Fiqh al-usrah : buhūth fī al-fiqh al-muqārin wa-al-iijtīmā'*. Beirut: Dār al-Hādī lil-Ṭibā'ah wa-al-Nashr wa-al-Tawzī'.
- Ibn al-Humam, K. al-D. M. ibn A. al-W. al-S. (2009). *Sharh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara. Retrieved from Jabatan Kebajikan Masyarakat website:

<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TlFwUVczN0RLQ3VIRD>  
FqRTFmVENuZz09

- Kamus Dewan (Ketiga). (2001). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- M.Afandi. (2021). *Nafkah produktif Perspektif Maqasid Al-Syariah. Al-Manhaj: Journal Indonesian Islamic Family Law*. 3(1), 40–53.
- Michelle Brady, Emily Stevens, Laetitia Coles, Maria Zadoroznyj, & Bill Martin. (2017). ‘You can Spend Time. . . But not Necessarily be Bonding with Them’: Australian Fathers’ Constructions and Enactments of Infant Bonding. *Journal of Social Policy*, 46(1), 69–90.
- Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugha, & Ali Asy-Syarbaji. (2009). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafie* (Jilid 4). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Salih bin Abdul Aziz. (2008). Hadis Riwayat Bukhari. *Mausuat al-hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Darussalam.
- Sayyid Sabiq. (2004). *Fiqh al-Sunnah* (Dar al-Fath Lil 'Iqlami al-'Arabi, Ed.). Kaherah: Mesir.
- Suhaimi, F. M., Rahman, A. A., Sains, U., & Sains, U. (2019). Wakaf Perumahan Dalam Pembangunan Ekonomi : Pelaksanaannya Menurut Maqasid Syariah. *Jounal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 31–42.
- Syamsul Bahri. (2015). Konsep Nafkah dalam Hukum Islam. *Kanun Jurnal Ilmu Hukum*, 17(2), 381–399. <https://doi.org/10.24815/kanun.v17i2.6069>
- Syeikh Nabil, I. K. A.-D. M. T. (1988). Ahkam Al-Usrah Fi Al-Islam. In *Ahkam al-Usrah Fi al-Islam* (p. 462). Kaherah: Maktabah al-Iman.
- Wahbah al-Zuhaili. (2004). *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Damaskus: Syria: Dar al-Fikr.